Notis

Istiadat Konvokesyen

استعادت کونوکیشن

Convocation Ceremony

Universiti Malaysia Terengganu ke 24

18-21 Oktober 2026
7-10 Jamadilawal 1448H

Dewan Sultan Mizan
Universiti Malaysia Terengganu

Menerajui Agenda Ekonomi Biru Negara

Leading the National Blue Economy Agenda

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

TEROKAAN SELUAS LAUTAN DEMI KELESTARIAN SEJAGAT

NOTIS ISTIADAT
KONVOKESYEN KE-24 TAHUN 2026
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

18 HINGGA 21 OKTOBER 2026
BERSAMAAN
7 HINGGA 10 JAMADILAWAL 1448 H
(AHAD HINGGA RABU)

TEMPAT : DEWAN SULTAN MIZAN,
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Tahniah diucapkan kepada semua graduan atas kejayaan menamatkan pengajian di Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Kejayaan ini merupakan hasil daripada usaha, ketekunan, pengorbanan, dan komitmen yang telah dicurahkan sepanjang tempoh pengajian. Semoga pencapaian ini menjadi titik permulaan kepada perjalanan yang lebih cemerlang dalam kerjaya, kehidupan, dan sumbangan kepada masyarakat serta negara.

Sukacita dimaklumkan agar semua graduan memberikan perhatian yang sewajarnya dan mematuhi panduan berikut sebagai persediaan untuk menghadiri Istiadat Konvokesyen Universiti Malaysia Terengganu (UMT) Ke-24. Panduan ini disediakan bagi memastikan semua urusan berkaitan kehadiran graduan, pemakaian, pergerakan, dan tatacara sepanjang istiadat dapat dilaksanakan dengan teratur dan mengikut ketetapan universiti.

Kerjasama semua graduan dalam mematuhi setiap panduan yang telah ditetapkan amatlah dihargai bagi memastikan Istiadat Konvokesyen UMT Ke-24 dapat berlangsung dengan lancar, tertib, penuh bermakna, dan menjadi kenangan yang indah buat semua graduan serta ahli keluarga yang hadir bersama-sama meraikan detik bersejarah ini.

1. **Pengesahan Kehadiran dan Tempahan Set Pakaian Akademik**

   - Graduan dikehendaki membuat pengesahan kehadiran serta pendaftaran pengambilan Set Pakaian Akademik secara dalam talian melalui laman sesawang rasmi Konvokesyen UMT di pautan: https://konvokesyen.umt.edu.my/

   ***Nota*:**
   - *Tempoh pengesahan adalah dari **5 Ogos 2026** hingga **17 Oktober 2026**.*

2. **Pengisian Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) dan Pengemaskinian Status Pekerjaan Graduan.**

   ***Nota*:**
   - *Graduan dikehendaki melengkapkan Borang Kajian Pengesanan Graduan secara dalam talian di pautan berikut: https://graduan.mohe.gov.my/SKPG26/LogMasuk.aspx*
   - *Tarikh pengisian dan pengemaskinian bermula **7 -17 Oktober 2026***

3. **Pengisian status pekerjaan terkini**

   ***Nota*:**
   - *Graduan dikehendaki melengkapkan Borang Kajian Pengesanan Graduan secara dalam talian di pautan berikut: https://graduan.mohe.gov.my/update/*
   - *Tarikh pengemaskinian bermula **7 Oktober 2026***

Kerjasama dan perhatian semua graduan dalam mematuhi panduan ini amatlah dihargai bagi memastikan kelancaran urusan serta kejayaan pelaksanaan Istiadat Konvokesyen Universiti Malaysia Terengganu Ke-24 Tahun 2026.

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI:

URUS SETIA ISTIADAT KONVOKESYEN
PUSAT PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN AKADEMIK
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
☎ **09-633 4293/4341/4407** ✉ **akademik@umt.edu.my**

SEMAKAN TARIKH-TARIKH PENTING

TARIKH	MASA	AKTIVITI
5 OGOS 2026 HINGGA 17 OKTOBER 2026		**Pengesahan kehadiran** Istiadat konvokesyen melalui **portal MyNemo -> eKonvo** **Pengesahan Tempahan Set Pakaian Akademik** melalui laman sesawang konvokesyen **->MyNemo -> eKonvo** • **Nota :** Pelajar yang masih belum melunaskan Bayaran Yuran, Denda, Saman dan lain-lain bayaran tertunggak tidak dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam Istiadat Konvokesyen) Pekeliling Bendahari Bil.13 Tahun 2024 "Peraturan Pembayaran Yuran Pelajar UMT (Edisi 2024)"
5 OGOS 2026 HINGGA 30 SEPTEMBER 2026		**Semakan dan pengesahan Suara Panggilan Nama Graduan**
AKAN DIMAKLUMKAN		**Pengisian Kajian Pengesanan Graduan (SKPG)** pada laman web : https://graduan.mohe.gov.my/SKPG26/LogMasuk.aspx • **Nota :** Graduan perlu mengisi Kajian Pengesanan Graduan dan mencetak slip sebagai bukti. Slip ini perlu dibawa semasa pengambilan Set akaian Akademik
15 HINGGA 17 OKTOBER 2026 (KHAMIS, JUMAAT DAN SABTU)	**9.00 PAGI - 12.30 TENGAH HARI** **2.30 PETANG – 5.00 PETANG**	**Pengambilan Set Pakaian Akademik di Dewan Sultan Mizan, UMT** (mohon rujuk jadual)
16 OKTOBER 2026 (JUMAAT)	**3.00 PETANG - 4.00 PETANG**	**Taklimat dan raptai** graduan di **Dewan Sultan Mizan**, UMT
18 HINGGA 21 OKTOBER 2026 (AHAD HINGGA RABU)	**7.30 PAGI - 4.30 PETANG**	**Istiadat Konvokesyen UMT Ke-24** di Dewan Sultan Mizan, UMT
18 HINGGA 21 OKTOBER 2026 (AHAD HINGGA RABU)	**9.00 PAGI - 1.00 PETANG** **2.30 PETANG - 6.00 PETANG**	Pemulangan Set Pakaian Akademik di **Kaunter Pejabat Bahagian Pembangunan Digital, Aras Bawah, Bangunan Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ), UMT**
BERMULA 22 OKTOBER 2026 (KHAMIS)	**9.00 PAGI - 12.30 TENGAH HARI** **2.30 PETANG - 5.00 PETANG**	Pemulangan Set Pakaian Akademik di **Kaunter Pusat Pembangunan dan Pengurusan Akademik (PPPA)**
BERMULA 25 OKTOBER 2026 (AHAD)		Denda lewat pulang jubah dikenakan sebanyak RM10 pada hari pertama dan ditambah RM5 setiap hari berikutnya **hari bekerja sahaja.

****Surat Pekeliling Bendahari Bil. 13 Tahun 2024, sekatan daripada menyertai Istiadat Konvokesyen akan dikenakan kepada pelajar yang mempunyai tunggakan yuran pengajian.**

1 SIDANG PENGIJAZAHAN, PENGAMBILAN DAN PEMULANGAN SET PAKAIAN AKADEMIK

SIDANG 1 (PAGI) | 18 OKTOBER 2026 (AHAD)

FAKULTI/PROGRAM PENGAJIAN	TARIKH DAN MASA PENGAMBILAN SET PAKAIAN AKADEMIK	TARIKH DAN MASA PEMULANGAN SET PAKAIAN AKADEMIK
FAKULTI DAN INSTITUT 1. Ijazah Doktor Falsafah (Struktur Penyelidikan) 2. Ijazah Sarjana Sains (Struktur Penyelidikan) 3. Ijazah Sarjana (Kerja Kursus) • Ijazah Sarjana Matematik • Ijazah Sarjana Sains Komputer • Ijazah Sarjana Statistik Sains Marin • Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) • Ijazah Sarjana Ekonomi • Ijazah Sarjana Pengurusan (Zon Pantai Bersepadu) • Ijazah Sarjana Sains Perikanan Tropika • Ijazah Sarjana Sains (Akuakultur) • Ijazah Sarjana Sains Pengajian Maritim • Ijazah Sarjana Sains Sekitaran Marin Tropika	**15 Oktober 2026 (Khamis)** **Masa :** 9.00 pagi – 12.30 tengah hari 2.30 - 5.30 petang **Tempat :** Dewan Sultan Mizan (DSM)	**18 hingga 21 Oktober 2026** **Sesi Pagi** 9.00 pagi - 1.00 petang **Sesi Petang** 2.00 - 6.00 petang **Lokasi :** Bahagian Pembelajaran Digital (PPPA), PSNZ **Mulai 22 Oktober 2026 (waktu pejabat)** **Lokasi :** Kaunter Pejabat PPPA

SIDANG 2 (PETANG) | 18 OKTOBER 2026 (AHAD)

FAKULTI/PROGRAM PENGAJIAN	TARIKH DAN MASA PENGAMBILAN SET PAKAIAN AKADEMIK	TARIKH DAN MASA PEMULANGAN SET PAKAIAN AKADEMIK
FAKULTI PENGAJIAN MARITIM (FPM) 1. Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Maritim) dengan Kepujian 2. Ijazah Sarjana Muda Sains (Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim) dengan Kepujian 3. Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Operasi Maritim dengan Kepujian **FAKULTI SAINS PERIKANAN DAN AKUAKULTUR (FSPA)** 1. Ijazah Sarjana Muda Sains Akuakultur dengan Kepujian 2. Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Perikanan) dengan Kepujian 3. Diploma Perikanan	**15 Oktober 2026 (Khamis)** **Masa :** 9.00 pagi – 12.30 tengah hari 2.30 - 5.30 petang **Tempat:** Dewan Sultan Mizan (DSM)	**18 hingga 21 Oktober 2026** **Sesi Pagi** 9.00 pagi - 1.00 petang **Sesi Petang** 2.00 - 6.00 petang **Lokasi :** Bahagian Pembelajaran Digital (PPPA), PSNZ **Mulai 22 Oktober 2026 (waktu pejabat)** **Lokasi :** Kaunter Pejabat PPPA

1 SIDANG PENGIJAZAHAN, PENGAMBILAN DAN PEMULANGAN SET PAKAIAN AKADEMIK

SIDANG 3 (PAGI) | 19 OKTOBER 2026 (ISNIN)

FAKULTI/PROGRAM PENGAJIAN	TARIKH DAN MASA PENGAMBILAN SET PAKAIAN AKADEMIK	TARIKH DAN MASA PEMULANGAN SET PAKAIAN AKADEMIK
FFAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PEMBANGUNAN SOSIAL (FPEPS) 1.Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Pengajian Polisi) dengan Kepujian 2.Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian 3.Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan dengan Kepujian	**16 Oktober 2026 (Jumaat)** **Masa :** 9.00 pagi – 12.30 tengah hari 2.30 - 5.30 petang **Tempat :** Dewan Sultan Mizan (DSM)	**19 hingga 21 Oktober 2026** **Sesi Pagi** 9.00 pagi - 1.00 petang **Sesi Petang** 2.00 - 6.00 petang **Lokasi :** Bahagian Pembelajaran Digital (PPPA), PSNZ **Mulai 22 Oktober 2026 (waktu pejabat)** **Lokasi :** Kaunter Pejabat PPPA

SIDANG 4 (PETANG) | 19 OKTOBER 2026 (ISNIN)

FAKULTI/PROGRAM PENGAJIAN	TARIKH DAN MASA PENGAMBILAN SET PAKAIAN AKADEMIK	TARIKH DAN MASA PEMULANGAN SET PAKAIAN AKADEMIK
FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PEMBANGUNAN SOSIAL (FPEPS) 1. Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) 2. Ijazah SarjanaMuda Ekonomi(Sumber Alam) dengan Kepujian 3. Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian	**16 Oktober 2026 (Jumaat)** **Masa :** 9.00 pagi – 12.30 tengah hari 2.30 - 5.30 petang **Tempat:** Dewan Sultan Mizan (DSM)	**19 hingga 21 Oktober 2026** **Sesi Pagi** 9.00 pagi - 1.00 petang **Sesi Petang** 2.00 - 6.00 petang **Lokasi :** Bahagian Pembelajaran Digital (PPPA), PSNZ **Mulai 22 Oktober 2026 (waktu pejabat)** **Lokasi :** Kaunter Pejabat PPPA

1 SIDANG PENGIJAZAHAN, PENGAMBILAN DAN PEMULANGAN SET PAKAIAN AKADEMIK

SIDANG 5 (PAGI) | 20 OKTOBER 2026 (SELASA)

FAKULTI/PROGRAM PENGAJIAN	TARIKH DAN MASA PENGAMBILAN SET PAKAIAN AKADEMIK	TARIKH DAN MASA PEMULANGAN SET PAKAIAN AKADEMIK
FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK (FSKM) 1. Ijazah Sarjana Muda (Analitik Data) dengan Kepujian 2. Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) dengan Kepujian 3. Ijazah Sarjana Muda Sains(Matematik Kewangan) dengan Kepujian 4. Ijazah Sarjana Muda Sains(Matematik Gunaan) dengan Kepujian 5. Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Komputeran Mudah Alih) dengan Kepujian 6. Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dengan Informatik Maritim(Kepujian)	**17 Oktober 2026 (Sabtu)** **Masa :** 9.00 pagi – 12.30 tengah hari 2.30 - 5.30 petang **Tempat :** Dewan Sultan Mizan (DSM)	**20 hingga 21 Oktober 2026** **Sesi Pagi** 9.00 pagi - 1.00 petang **Sesi Petang** 2.00 - 6.00 petang **Lokasi :** Bahagian Pembelajaran Digital (PPPA), PSNZ **Mulai 22 Oktober 2026 (waktu pejabat)** **Lokasi :** Kaunter Pejabat PPPA

SIDANG 6 (PETANG) | 20 OKTOBER 2026 (RABU)

FAKULTI/PROGRAM PENGAJIAN	TARIKH DAN MASA PENGAMBILAN SET PAKAIAN AKADEMIK	TARIKH DAN MASA PEMULANGAN SET PAKAIAN AKADEMIK
FAKULTI SAINS MAKANAN DAN AGROTEKNOLOGI (FSMA) 1. Ijazah Sarjana Muda Sains Makanan (Teknologi Makanan) dengan Kepujian 2. Ijazah Sarjana Muda Sains Makanan (Perkhidmatan Makanan dan Pemakanan) dengan Kepujian 3. Ijazah Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Sains Tanaman) dengan Kepujian **FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN KELAUTAN (FTKK)** 1. Ijazah Sarjana Muda Teknologi (Alam Sekitar) dengan Kepujian 2. Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Elektronik dan Instrumentasi) dengan Kepujian 3. Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Maritim) dengan Kepujian 4. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Senibina Kapal) dengan Kepujian	**17 Oktober 2026 (Sabtu)** **Masa :** 9.00 pagi – 12.30 tengah hari 2.30 - 5.30 petang **Tempat :** Dewan Sultan Mizan (DSM)	**21 Oktober 2026** **Sesi Pagi** 9.00 pagi - 1.00 petang **Sesi Petang** 2.00 - 6.00 petang **Lokasi :** Bahagian Pembelajaran Digital (PPPA), PSNZ **Mulai 22 Oktober 2026 (waktu pejabat)** **Lokasi :** Kaunter Pejabat PPPA

1 SIDANG PENGIJAZAHAN, PENGAMBILAN DAN PEMULANGAN SET PAKAIAN AKADEMIK

SIDANG 7 (PAGI) | 21 OKTOBER 2026 (RABU)		
FAKULTI/PROGRAM PENGAJIAN	**TARIKH DAN MASA PENGAMBILAN SET PAKAIAN AKADEMIK**	**TARIH DAN MASA PEMULANGAN SET PAKAIAN AKADEMIK**
FAKULTI SAINS DAN SEKITARAN MARIN (FSSM) 1. Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan Nanofizik dengan Kepujian 2. Ijazah Sarjana Muda Sains (Sains Kimia) dengan Kepujian 3. Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti) dengan Kepujian 4. Ijazah Sarjana Muda Sains (Sains Biologi) dengan Kepujian 5. Ijazah Sarjana Muda Sains (Geosains Marin) dengan Kepujian 6. Ijazah Sarjana Muda Sains (Sains Marin) dengan Kepujian 7. Ijazah Sarjana Muda Sains (Kimia Analisis dan Persekitaran) dengan Kepujian 8. Ijazah Sarjana Muda (Biologi Marin) dengan Kepujian	**17 Oktober 2026 (Sabtu)** **Masa :** 9.00 pagi – 12.30 tengah hari 2.30 - 5.30 petang **Tempat :** Dewan Sultan Mizan (DSM)	**21 Oktober 2026** **Sesi Pagi** 9.00 pagi - 1.00 petang **Sesi Petang** 2.00 - 6.00 petang **Lokasi :** Bahagian Pembelajaran Digital (PPPA), PSNZ **Mulai 22 Oktober2026 (waktu pejabat)** **Lokasi :** Kaunter Pejabat PPPA



NOTIS PENTING

Pengambilan dan pemulangan Set Pakaian Akademik adalah WAJIB. Graduan hendaklah mematuhi perkara-perkara berikut:

1. Graduan yang **gagal menjelaskan tunggakan yuran pengajian, denda, saman dan lain-lain bayaran tertunggak** tidak dibenarkan mengambil Set Pakaian Akademik, menerima skrol dan transkrip, serta menyertai Istiadat Konvokesyen. Sila rujuk *Peraturan Pembayaran Yuran Pelajar UMT (Edisi 2024)*. https://mynemo.umt.edu.my/pekeliling/fail/PB13-2024-PERATURAN PEMBAYARAN YURAN PELAJAR 2024.pdf

2. Pengambilan Set Pakaian Akademik **hendaklah dibuat mengikut sesi, tarikh dan masa** yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti.

3. Pengambilan Set Pakaian Akademik adalah di **Dewan Sultan Mizan, Universiti Malaysia Terengganu**.

4. Sekiranya Set Pakaian Akademik diambil oleh **wakil**, wakil hendaklah:
   - Mengemukakan **Kad Pengenalan**;
   - Mengemukakan **Surat Wakil**; dan
   - Menyerahkan **Slip Pengambilan Set Pakaian Akademik** semasa urusan pengambilan.

5. Set Pakaian Akademik hendaklah dipulangkan **selewat-lewatnya pada 22 Oktober 2026 (Khamis).**

6. Lokasi pemulangan Set Pakaian Akademik adalah seperti berikut:
   - 18 hingga 21 Oktober 2026
   Kaunter Bahagian Pembangunan Digital (PPPA), Aras Bawah, Bangunan Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah.

   - Mulai 22 Oktober 2026
   Kaunter Pusat Pembangunan dan Pengurusan Akademik (PPPA).

7. Denda akan dikenakan kepada graduan yang lewat memulangkan Set Pakaian Akademik **berkuat kuasa mulai 25 Oktober 2026**, seperti berikut:

   - RM10.00 bagi hari pertama kelewatan; dan
   - Tambahan **RM5.00 bagi setiap hari bekerja berikutnya**.

   Bayaran denda hendaklah dibuat di **Pejabat Bendahari UMT** atau melalui **aplikasi JomPAY**. Resit bayaran hendaklah dikemukakan semasa pemulangan Set Pakaian Akademik di Pusat Pembangunan dan Pengurusan Akademik (PPPA).

8. Graduan yang membuat pemulangan Set Pakaian Akademik dalam keadaan **tidak lengkap, rosak atau hilang** akan dikenakan **bayaran ganti rugi** mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh Universiti.

2 ETIKA PEMAKAIAN GRADUAN

Sukacita diingatkan kepada semua graduan supaya mematuhi etika pemakaian berikut bagi memastikan kelancaran dan keseragaman sepanjang Istiadat Konvokesyen:

A. GRADUAN LELAKI

i. **Pakaian Kebangsaan:**

- Baju Melayu cekak musang berwarna hitam atau warna gelap;
- Bersamping;
- Berbutang lengkap;
- **MEMAKAI KASUT FORMAL BERTUTUP SEPENUHNYA BERWARNA GELAP SAHAJA** dan;
- Berstoking

ii. ***Lounge Suit*:**

- Kemeja lengan panjang
- bertali leher
- Seluar panjang berwarna gelap
- Baju Kot (blazer) berwarna gelap
- **MEMAKAI KASUT FORMAL BERTUTUP SEPENUHNYA BERWARNA GELAP SAHAJA** dan;
- Berstoking

***Perhatian*:**

- *Graduan hendaklah memastikan rambut sentiasa pendek dan kemas. Graduan lelaki yang berambut panjang boleh dihalang daripada memasuki Dewan Sultan Mizan.*
- *Tidak dibenarkan memakai:*
  - *Seluar jeans;*
  - *Kasut sukan;*
  - *Sandal; atau*
  - *Kasut berwarna cerah atau putih.*

B. GRADUAN WANITA

i. **Pakaian Kebangsaan:**

- Baju kurung moden atau tradisional yang sopan dan tidak mencolok mata;
- Skirt labuh hingga ke buku lali. (Skirt pendek adalah tidak dibenarkan) dan kemeja lengan panjang;
- **MEMAKAI KASUT FORMAL BERTUTUP SEPENUHNYA BERWARNA GELAP SAHAJA**

***Perhatian*:**

***TIDAK DIBENARKAN*:**

- *Memakai Skirt Pendek (Atas Paras Lutut)*
- *Kasut sukan/sandal/ terbuka di belakang/berwarna cerah atau putih.*
- *Semua graduan hendaklah berpakaian kemas, sopan dan mematuhi etika pemakaian yang ditetapkan oleh Universiti.*
- *Graduan yang gagal mematuhi etika pemakaian boleh dihalang daripada memasuki Dewan Sultan Mizan dan menyertai Istiadat Konvokesyen.*


2 ETIKA PEMAKAIAN GRADUAN

C. CONTOH GAMBAR PAKAIAN GRADUAN


PEMAKAIAN YANG DIBENARKAN



KASUT YANG DIBENARKAN



PEMAKAIAN YANG DILARANG




KASUT YANG DILARANG



PERHATIAN: Graduan yang gagal mematuhi Etika Pakaian dan graduan lelaki yang berambut Panjang adalah TIDAK DIBENARKAN untuk memasuki dewan.

3 PAS PENTAS KONVOKESYEN

Graduan hendaklah mencetak Pas Pentas Konvokesyen melalui sistem eKonvo dan membawa Pas Pentas Konvokesyen semasa menghadiri Istiadat Konvokesyen. Pas ini digunakan untuk tujuan panggilan nama graduan serta paparan nama pada skrin di dalam dewan semasa graduan menerima skrol di pentas.



PERHATIAN:

- Semua graduan WAJIB mencetak dan membawa Pas Pentas Konvokesyen semasa Istiadat Konvokesyen.
- Pas ini digunakan untuk tujuan panggilan nama graduan dan paparan nama pada skrin di dalam dewan.
- Graduan yang gagal membawa Pas Pentas Konvokesyen tidak akan dipanggil namanya dan nama tidak akan dipaparkan pada skrin semasa menerima skrol di pentas.

4 YURAN GRADUASI

Semua graduan, hendaklah menjelaskan Bayaran Yuran Graduasi mengikut kadar berikut :-

No	Program	Kadar Yuran (RM)
1	**Ijazah Sarjana / Ijazah Doktor Falsafah (PhD)**	**300**
2	**Ijazah Sarjana Muda**	**250**
3	**Diploma**	**150**

Perhatian:
Selaras dengan Surat Pekeliling Bendahari Bil. 5 Tahun 2018, graduan yang mempunyai tunggakan yuran pengajian akan dikenakan sekatan daripada menyertai Istiadat Konvokesyen sehingga semua tunggakan dijelaskan.

KAEDAH PEMBAYARAN BAYARAN YURAN GRADUASI

Bayaran Graduasi boleh dijelaskan sebaik sahaja graduan selesai membuat Tempahan Set Pakaian Akademik secara dalam talian melalui Sistem eKonvo.

Kaedah Pembayaran:

MyNemo → Akademik → eKonvo → Gerbang Pembayaran UMT (Payment Gateway)

Perhatian:
Bayaran Yuran Graduasi hendaklah dijelaskan sebelum menghadiri Istiadat Konvokesyen. Graduan disarankan menyimpan resit atau bukti pembayaran sebagai rujukan sekiranya diperlukan. Sebarang tunggakan yuran pengajian hendaklah dijelaskan terlebih dahulu bagi mengelakkan sekatan daripada menyertai Istiadat Konvokesyen.

5 WARNA TASSEL

Di Universiti Malaysia Terengganu, tradisi dan kebanggaan istiadat konvokesyen ini turut diterjemahkan melalui pemakaian pakaian akademik, khususnya pada warna tassel (rumbai topi konvokesyen atau mortar board).


Warna tassel ini bukan sekadar hiasan, malah ia direka berbeza-beza secara simbolik untuk mencerminkan identiti serta disiplin ilmu yang ditawarkan oleh setiap fakulti di UMT. Warna-warna tassel yang mewakili setiap fakulti adalah seperti yang berikut:

FAKULTI	WARNA	
GRADUAN IJAZAH SARJANA	PERAK	
FAKULTI SAINS PERIKANAN DAN AKUAKULTUR (FSPA)	UNGU	
FAKULTI SAINS MAKANAN DAN AGROTEKNOLOGI (FSMA)	OLIVE	
FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN KELAUTAN (FTKK)	EMAS	
FAKULTI PENGAJIAN MARITIM (FPM)	MERAH HATI	
FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK (FSKM)	HIJAU	
FAKULTI SAINS DAN SEKITARAN MARIN (FSSM)	BIRU LAUT	
FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PEMBANGUNAN SOSIAL (FPEPS)	OREN	

SET PAKAIAN AKADEMIK GRADUAN

Universiti Malaysia Terengganu

SET PAKAIAN AKADEMIK IJAZAH DOKTOR FALSAFAH



CIRI-CIRI

- Berwarna Merah Hati
- Dihiasi dengan corak tenunan lepel berwarna keemasan
- Tiga garisan berwarna merah di sekeliling lengan

SET PAKAIAN AKADEMIK IJAZAH SARJANA



CIRI-CIRI

- Berwarna Merah Hati
- Dihiasi dengan corak tenunan lepel berwarna keemasan
- Dua garisan berwarna merah di sekeliling lengan

SET PAKAIAN AKADEMIK IJAZAH SARJANA MUDA



CIRI-CIRI

- Berwarna Ungu
- Dihiasi dengan corak tenunan lepel berwarna keemasan

SET PAKAIAN AKADEMIK GRADUAN DIPLOMA



CIRI-CIRI

- Berwarna Hitam
- Dihiasi dengan corak tenunan lepel berwarna keemasan

MAKLUMAN

Pemakaian jubah akademik adalah mengikut tahap pengajian yang dianugerahkan.
Sila pastikan set pakaian yang dipakai adalah sesuai semasa istiadat konvokesyen.

6 SET PAKAIAN AKADEMIK GRADUAN

A. GRADUAN IJAZAH DOKTOR FALSAFAH



Pakaian Akademik Graduan Ijazah Doktor Falsafah (pandangan hadapan)

Pakaian Akademik Graduan Ijazah Doktor Falsafah (pandangan belakang)

B. GRADUAN IJAZAH SARJANA



Pakaian Akademik Graduan Ijazah Sarjana (pandangan hadapan)

Pakaian Akademik Graduan Ijazah Sarjana (pandangan belakang)


C. GRADUAN IJAZAH SARJANA MUDA



Pakaian Akademik
Graduan Ijazah Sarjana Muda
(pandangan hadapan)

Pakaian Akademik
Graduan Ijazah Sarjana Muda
(pandangan belakang)

D. GRADUAN DIPLOMA



Pakaian Akademik Graduan Diploma (Pandangan Hadapan)

Pakaian Akademik Graduan Diploma (Pandangan Belakang)

7 SELEMPANG GRADUAN KELAS PERTAMA

Selempang ini dipakai pada leher dengan kedua-dua hujungnya dibiarkan berjuntai ke arah depan. Ia diperbuat daripada sekeping kain selebar lima inci bewarna emas yang ditekat dengan logo UMT. Selempang ini dipakai oleh graduan sebagai satu bentuk pengiktirafan daripada universiti atas pencapaian mereka memperoleh pencapaian Kelas Pertama (PNGK 3.67 dan ke atas) dalam program pengajian mereka.

Warna emas merupakan simbol kegemilangan dan pencapaian akademik yang cemerlang sepanjang tempoh pengajian graduan. Sementara itu, warna ungu yang merupakan warna korporat Universiti Malaysia Terengganu (UMT), melambangkan identiti serta keperibadian luhur graduan. Kesepaduan kedua-dua warna ini menterjemahkan aspirasi UMT dalam melahirkan graduan holistik yang bukan sahaja berilmu pengetahuan tinggi, malah bersedia untuk menabur bakti serta menyumbang ke arah kemajuan agama, bangsa, dan negara

Graduan yang memperoleh **Pencapaian Kelas Pertama PNGK 3.67** dan ke atas akan dibekalkan dengan Selempang Graduan Kelas Pertama semasa sesi pengambilan Set Pakaian Akademik. Selempang tersebut hendaklah **DIKEMBALIKAN SEMULA** bersama Set Pakaian Akademik semasa proses penghantaran Set Pakaian Akademik.



PEMBELIAN SELEMPANG GRADUAN KELAS PERTAMA

Pembelian Selempang boleh di buat dengan mengisi borang Pembelian Selempang;
https://mynemo.umt.edu.my/eborang/fail/borang%20beli%20jubah%20UMT%20KE-22.pdf

KATEGORI SELEMPANG		
PERINGKAT PENGAJIAN	**PAKEJ PEMBELIAN**	**HARGA**
GRADUAN KELAS PERTAMA	SELEMPANG	RM80.00

8 PENGAMBILAN SET PAKAIAN AKADEMIK OLEH WAKIL

1. Graduan yang tidak dapat hadir untuk mengambil Set Pakaian Akademik pada tarikh yang telah ditetapkan graduan boleh melantik **wakil dikalangan graduan UMT sahaja** untuk mengambil Set Pakaian Akademik bagi pihak graduan.
2. Maklumat wakil hendaklah didaftarkan dalam Sistem eKonvo semasa proses Tempahan Set Pakaian Akademik. Graduan perlu mengemukakan salinan slip berikut kepada wakil untuk diserahkan semasa urusan pengambilan Set Pakaian Akademik.

i. **Dokumen yang perlu disediakan oleh graduan kepada wakil**

Graduan hendaklah menyerahkan salinan dokumen berikut kepada wakil untuk dikemukakan semasa urusan pengambilan Set Pakaian Akademik:

a. Slip Pengambilan Set Pakaian Akademik;
b. Slip Bayaran Graduasi; dan
c. Slip tunggakan yuran, hutang, denda atau saman (jika berkaitan).

ii. **Dokumen yang perlu dikemukakan oleh wakil**

Semasa urusan pengambilan Set Pakaian Akademik, wakil hendaklah mengemukakan dokumen berikut:

a. Surat Wakil yang ditandatangani oleh graduan;
b. Salinan Kad Pengenalan wakil;
c. Salinan Kad Pengenalan graduan; dan
d. Slip Pengambilan Set Pakaian Akademik.

Perhatian:
Pihak pengurusan berhak untuk tidak meluluskan urusan pengambilan Set Pakaian Akademik oleh wakil sekiranya dokumen yang dikemukakan gagal dilengkapkan.

9 BAYARAN GANTI RUGI KEHILANGAN / KEROSAKAN SET PAKAIAN AKADEMIK

Graduan yang memulangkan atau menghantar Set Pakaian Akademik dalam keadaan tidak sempurna/rosak, bayaran ganti rugi akan dikenakan sebagaimana berikut:

Tahap Pengajian	Jubah (RM)	*Mortar Board* (RM)	*Beef Eater* (RM)	*Hood* (RM)
Diploma	500.00	65.00	-	-
Sarjana Muda	600.00	65.00	-	-
Sarjana/Doktor Falsafah	800.00	65.00	90.00	50.00

10 PEMBELIAN SET PAKAIAN AKADEMIK

Pembelian Set Pakaian Akademik boleh di buat dengan mengisi borang Pembelian Set Pakaian Akademik;

https://mynemo.umt.edu.my/eborang/fail/borang%20beli%20jubah%20UMT%20KE-22.pdf

KATEGORI SET PAKAIAN AKADEMIK		
PERINGKAT PENGAJIAN	**PAKEJ PEMBELIAN**	**HARGA**
Doktor Falsafah	Jubah, Beef Eater & Hood	RM800.00
Sarjana	Jubah, Mortar Board & Hood	RM650.00
Sarjana Muda	Jubah & Mortar Board	RM600.00
Diploma	Jubah & Mortar Board	RM500.00

11 PENGAMBILAN SKROL DAN TRANSKRIP AKADEMIK

Semasa Istiadat Konvokesyen, graduan hanya akan menerima selongsong skrol di atas pentas daripada Tuanku Canselor. Walau bagaimanapun, skrol dan transkrip akademik rasmi hanya akan diserahkan kepada graduan selepas tamatnya sidang konvokesyen masing-masing, tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat yang berikut

- **Telah memulangkan Set Pakaian Akademik; dan**
- **Telah menjelaskan semua yuran, hutang, denda atau saman kepada Universiti Malaysia Terengganu.**

Graduan yang mempunyai tunggakan yuran, hutang, denda atau saman hendaklah mengemukakan bukti pembayaran yang mengesahkan semua tunggakan telah dijelaskan sebelum skrol dan transkrip diserahkan.

Semasa urusan pengambilan skrol dan transkrip akademik, graduan hendaklah mengemukakan **Slip Pengambilan Skrol dan Transkrip Akademik** kepada petugas.

Pengambilan oleh wakil

Sekiranya graduan tidak dapat hadir untuk mengambil skrol dan transkrip akademik, graduan boleh melantik wakil untuk mengambilnya bagi pihak graduan. Semasa urusan pengambilan, wakil hendaklah mengemukakan dokumen berikut:

a. Surat Wakil yang telah ditandatangani oleh graduan;
b. Salinan Kad Pengenalan wakil;
c. Salinan Kad Pengenalan graduan; dan
d. Slip Pengambilan Skrol dan Transkrip Graduan.

Perhatian:
Kegagalan mengemukakan dokumen yang lengkap atau menjelaskan semua yuran, hutang, denda atau saman kepada UMT akan menyebabkan skrol dan transkrip akademik tidak dapat diserahkan.

12 KAD JEMPUTAN IBU BAPA/TETAMU GRADUAN

Setiap graduan akan menerima satu (1) keping Kad Jemputan Ibu Bapa / Tetamu yang membolehkan dua (2) orang tetamu menghadiri Istiadat Konvokesyen mengikut sidang yang ditetapkan.

Perhatian:

- Kad Jemputan Ibu Bapa / Tetamu hendaklah disimpan dengan baik selepas diterima.
- Pihak Universiti tidak bertanggungjawab terhadap kehilangan atau kerosakan Kad Jemputan Ibu Bapa / Tetamu yang telah diedarkan.
- Kad Jemputan Ibu Bapa / Tetamu yang hilang, rosak atau musnah tidak akan diganti.
- Hanya tetamu yang membawa Kad Jemputan Ibu Bapa / Tetamu yang sah dibenarkan memasuki dewan, tertakluk kepada syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Universiti.



13 PAKEJ GAMBAR KONVOKESYEN

Graduan yang ingin mendapatkan Pakej Gambar Konvokesyen boleh berurusan di Kaunter Khas Foto Graduan, Dewan Sultan Mizan (DSM), mulai 15 hingga 17 Oktober 2026.

PERINGATAN

Bagi memastikan kelancaran dan kelangsungan Istiadat Konvokesyen, graduan dan tetamu hendaklah mematuhi perkara-perkara berikut:

- Jurugambar persendirian tidak dibenarkan memasuki Dewan Konvokesyen (Dewan Sultan Mizan) (DSM).
- Graduan tidak dibenarkan mengambil swafoto (selfie) atau merakam gambar sendiri semasa menerima skrol di atas pentas
- Graduan hendaklah mematuhi arahan petugas sepanjang Istiadat Konvokesyen bagi memastikan majlis berlangsung dengan lancar dan tertib.

Perhatian:

Sebarang rakaman gambar rasmi semasa Istiadat Konvokesyen akan diuruskan oleh jurugambar rasmi yang dilantik oleh Universiti.

UNTUK KETERANGAN LANJUT SILA HUBUNGI :

URUS SETIA ISTIADAT KONVOKESYEN
PUSAT PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN AKADEMIK
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
TEL: 09-633 4293/4341/4407
EMEL : akademik@umt.edu.my

Nota: Notis ini tertakluk kepada arahan rasmi dan perkembangan terkini dari semasa ke semasa